

# JAWAPAN

## Tema 1

### Unit 1: Berkhemah di Laman Idaman

#### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

membawa baju lebih untuk ditukar, memakai kasut yang sesuai untuk mengelakkan kecederaan serta membawa peti pertolongan cemas sebagai persediaan menghadapi kecederaan ringan sewaktu di sana.

#### Kemahiran Membaca

- 1 Keluarga Encik Zamri bercadang untuk berkhemah di Hutan Lipur Bahagia.
- 2 Indera dan Herman berasa seronok kerana dapat berkhemah buat pertama kali di Hutan Lipur Bahagia itu.
- 3 Antara aktiviti yang disediakan oleh pihak pengurusan chalet ialah menaiki rakit, memancing dan ekspedisi mendaki bukit.
- 4 Pada pendapat saya, faedah kita melibatkan diri dalam aktiviti perkhemahan ialah kita dapat melihat keindahan alam semula jadi. Selain itu, kita dapat mengeratkan hubungan kasih sayang bersama ahli keluarga yang sama-sama melakukan aktiviti perkhemahan.

#### Kemahiran Menulis

- 1 Pada minggu lepas, saya telah menyertai perkhemahan pengakap di Hutan Lipur Bukit Larut.
- 2 Di sana, kami diagihkan kepada beberapa kumpulan-kumpulan kecil.
- 3 Saya dan rakan-rakan mendirikan khemah berhampiran sungai.
- 4 Selepas itu, kami mencari kayu api di kawasan sekitar untuk dibuat unggun api.
- 5 Kami amat gembira kerana dapat berdikari dan mempelajari perkara yang baru.

### Unit 2: Seronoknya Membaca

#### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 membantu ayah mengambil paku di dalam laci di dapur.
- 2 plastik sampah untuk memudahkan kakak membuang sampah sarap itu.
- 3 senaraikan barang-barang yang perlu saya beli di kedai.

#### Kemahiran Membaca

- 1 Aktiviti yang diadakan pada hari Khamis, 18 Mei 2017 ialah persembahan nyanyian dan sketsa.
- 2 Aktiviti Minggu Bahasa Melayu ini diadakan selama empat hari.
- 3 Amran boleh mendapatkan borang penyertaan pertandingan syarahan daripada guru mata pelajaran Bahasa Melayu kelasnya.
- 4 Pada pendapat saya, faedah kita menyertai pertandingan itu ialah kita dapat meningkatkan

keyakinan diri kita semasa membuat persembahan di atas pentas. Selain itu, kita juga mendapat pengetahuan baharu jika kita menyertai pertandingan tersebut contohnya kuiz Bahasa Melayu.

#### Kemahiran Menulis

Membaca merupakan amalan yang banyak membawa kebaikan terutama kepada murid-murid. Dengan membaca, murid dapat menambah dan meluaskan ilmu pengetahuan. Contohnya, murid dapat mengetahui isu-isu semasa seperti sosial, ekonomi dan sukan melalui surat khabar yang dibaca. Di samping itu, pembacaan yang luas akan menambahkan perbendaharaan kata sekali gus membantu murid dalam menulis karangan dengan baik. Sebenarnya, orang yang rajin membaca akan memperoleh banyak pengajaran dan pengalaman daripada pembacaan. Banyak nilai murni yang boleh dijadikan pedoman dalam kehidupan. Dari segi bacaan ringan pula dapat merehatkan minda murid selepas penat belajar. Contoh, membaca komik dan majalah pada waktu senggang ketika menunggu giliran atau bas. Akhir sekali, membaca dapat mengurangkan aktiviti yang tidak berfaedah seperti melepak dan membuang masa.

### Unit 3: Melancong dengan Keluarga

#### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 Saya akan tunggu di sini bersama-sama ibu
- 2 Saya akan berdiri di sana untuk memudahkan ibu mengambil gambar saya
- 3 Saya akan berhati-hati semasa melangkah nanti
- 4 Saya akan ingat pesanan ibu itu

#### Kemahiran Membaca

- 1 menaiki
- 2 beratur
- 3 perjalanan
- 4 curam
- 5 mengawal
- 6 sempit
- 7 penumpang
- 8 bertembung
- 9 keseluruhan
- 10 kenangan

#### Kemahiran Menulis

- 1 Kota A' Famosa, Bangunan Stadhuys, Muzium Samudera dan Muzium Kesultanan Melaka.
- 2 Mimi dan adiknya sangat teruja sewaktu di Zoo Melaka kerana mereka dapat melihat persembahan haiwan dan memberi haiwan makan.
- 3 Mimi dan keluarga berasa terpegun semasa menaiki River Cruise kerana mereka dapat melihat keindahan Kampung Morten yang dihiasi dengan lampu yang berwarna-warni.

## Tema 2

### Unit 4: Amalan Hidup Sihat

#### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 yang seimbang
- 2 menjamin kesihatan kita
- 3 makan sayur dan buah-buahan
- 4 makanan segera yang mengandungi banyak lemak dan minyak

#### Kemahiran Membaca

- 1 menimbulkan radang selaput lendir pada hidung
- 2 demam paru-paru, batuk kering dan penyakit di bahagian tengah telinga
- 3 daripada virus
- 4 cuaca yang sejuk, keadaan yang basah, seseorang yang tidak dapat tidur dan kurangnya daya tahan tubuh
- 5 jika seseorang itu mengamalkan cara hidup sihat

#### Kemahiran Menulis

- 1 budiman
- 2 jurulatih
- 3 cendekiawan
- 4 hartawan
- 5 prasyarat
- 6 tatacara

### Unit 5: Bersih dan Sihat

#### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 Sentiasa gigih berusaha dalam pelajaran kerana dengan pelajaran, seseorang menjadi insan yang berguna.
- 2 Membuat jadual belajar supaya dapat menguruskan masa dengan baik.
- 3 Sentiasa berhemah dalam perbelanjaan.
- 4 Jangan sekali-kali membazir.

#### Kemahiran Membaca

- 1 Atan membersihkan dirinya sebelum dia menolong ibunya berniaga supaya dia sentiasa kemas dan bersih ketika melayan pelanggan di gerai itu.
- 2 X, ✓
- 3 Dua nilai murni yang terdapat pada diri Atan ialah nilai kerajinan dan bertanggungjawab.

#### Kemahiran Menulis

**Isi 1:** Mandi sekurang-kurangnya dua kali sehari bagi membersihkan daki dan kotoran daripada badan. Oleh itu, badan akan sentiasa bersih dan segar.

**Isi 2:** Kita hendaklah menggosok gigi sekurang-kurangnya dua kali sehari. Tujuan menggosok gigi adalah untuk menjaga kebersihan mulut supaya bebas daripada kuman. Apabila gigi bersih, maka nafas akan segar.

**Isi 3:** Kita juga perlu selalu mencuci tangan terutamanya sebelum dan selepas makan atau selepas bermain. Selain itu, kita perlu memastikan kuku sentiasa pendek, iaitu dengan memotongnya seminggu sekali. Tangan kita akan bebas kuman jika sentiasa bersih.

### Unit 6: Pendidikan Kesihatan

#### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 Gigi hendaklah digosok tiga kali sehari, iaitu pada waktu pagi, tengah hari dan malam.
- 2 Ubat gigi dan berus gigi yang bersesuaian hendaklah digunakan semasa memberus gigi.
- 3 Makanan yang terlalu manis hendaklah dikurangkan.
- 4 Kita hendaklah makan buah-buahan yang berkhasiat dan baik untuk kesihatan gigi.

#### Kemahiran Membaca

- 1 Dapat mengeluarkan peluh, badan akan terasa lebih sihat.
- 2 Bersenam dapat mencerdaskan minda.
- 3 Bersenam dapat mengisi masa lapang.
- 4 Menguatkan daya tahan badan untuk melawan penyakit.

#### Kemahiran Menulis

Alias berjalan kaki untuk pulang ke rumahnya selepas tamat persekolahan. Pada hari itu, cuaca panas terik. Keadaan cuaca yang panas itu menyebabkan dia berasa sangat dahaga.

Apabila tiba di pertengahan jalan, dia ternampak sebuah gerai menjual minuman di tepi jalan. Oleh sebab terlalu dahaga, dia membeli minuman di gerai tersebut. Walau bagaimanapun, gerai yang menjual minuman itu tidak bersih. Kelihatan lalat berterbangan dan hinggap pada bekas minuman yang dijual. Namun, ada beberapa orang yang turut membeli dan minum di gerai tersebut.

Kemudian, Alias beredar dari gerai itu. Tiba di pertengahan jalan, dia berasa sakit perut. Sampai di rumah, perutnya bertambah sakit. Ibu Alias terkejut melihat keadaannya. Alias turut mengalami muntah-muntah dan cirit-birit. Ibu Alias segera membawanya ke hospital.

Apabila berjumpa doktor, Alias disahkan terkena keracunan makanan. Doktor menasihati Alias agar tidak membeli makanan atau minuman yang terdedah atau kotor. Doktor menyuruhnya berhati-hati dalam menjaga pemakanan dan kesihatan.

## Tema 3

### Unit 7: Sentiasa Awasi Diri

#### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 saya
- 2 Siapa
- 3 kita
- 4 Apa
- 5 awak
- 6 Kami
- 7 beliau
- 8 awak

#### Kemahiran Membaca

- 1 adik-beradik.
- 2 Muhammad Faiz telah diselamatkan oleh tiga orang rakannya yang turut bersama-sama bermain di tali air itu.
- 3

Siti Nur Fatimah selamat selepas diselamatkan sepupunya.

Mereka bermain di atas jambatan berhampiran tali air.

Ibu Siti Nur Fatimah baru sahaja terbabit dalam kemalangan motosikal.

Betul

Salah

## Kemahiran Menulis

	Frasa	Ayat
1	prasarana	Pelbagai prasarana yang disediakan di setiap taman permainan untuk kemudahan kanak-kanak bermain.
2	vandalisme	Kemudahan yang ada di taman permainan sering menjadi sasaran vandalisme sehingga menyebabkan taman permainan itu menjadi tidak selamat untuk digunakan.
3	budiman	Kita hendaklah bersikap budiman dan bertanggungjawab ketika di taman permainan.
4	dwibahasa	Selalunya, arahan atau maklumat tentang taman permainan itu disediakan dalam dwibahasa.
5	tatacara	Oleh itu, patuhilah tatacara penggunaan setiap kemudahan itu supaya kemudahan tersebut sentiasa terjaga dan tidak mengalami kerosakan.

## Unit 8: Sediakan Payung Sebelum Hujan

### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 kamu
- 2 saya
- 3 Kita
- 4 kamu
- 5 -nya
- 6 dia
- 7 Kita

### Kemahiran Membaca

- 1 lima hari.
- 2 ✓, X
- 3 Sekiranya murid-murid enggan mematuhi jalan raya, murid-murid akan berhadapan dengan bahaya seperti kemalangan yang dapat menyebabkan kecacatan atau kematian.

### Kemahiran Menulis

**Pendahuluan:** mendapat hadiah basikal daripada ayah – kejayaan dalam peperiksaan

**Isi 1:** selalu bersiar-siar dengan basikal – bersama rakan-rakan – setiap petang

**Isi 2:** suatu hari – ternampak kawan – memanggil kawan – panggilan tidak didengari – kayuh basikal dengan laju – ke arah kawan

**Isi 3:** tiba-tiba – dilanggar oleh kereta – tidak nampak kereta dari arah bertentangan – bernasib baik – kereta dipandu perlahan – mendapat kecederaan

**Isi 4:** pemandu kereta yang melanggar – memberhentikan kereta – menolong membawa ke hospital – memaklumkan kepada ibu bapa

**Penutup:** bersyukur kerana selamat – cedera ringan – kaki terseliuh – bermalam selama dua malam di hospital – doktor memantau kecederaan – berjanji akan berhati-hati di jalan raya

## Unit 9: Beringat Sebelum Kena

### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 kalian
- 2 Mengapa
- 3 kita
- 4 saya
- 5 kamu
- 6 mana

### Kemahiran Membaca

- 1 Jangan dimusnahkan jangan dicemari, Jika binasa sukar diganti.
- 2 Hutan ditebang sesuka hati, Tadahan hujan musnahlah kini,
- 3 Alam sekitar kita pelihara, Udara segar pasti terasa,
- 4 Bukan sukar untuk menjaga, Sikap yang sering menjadi punca, Tegur-menegur setiap masa, Moga alam sekitar sentiasa terbela.

### Kemahiran Menulis

- 1 Pengawal bertugas sedang mengawal keadaan lalu lintas yang agak sibuk pada waktu pagi sebelum sesi persekolahan bermula.
- 2 Dua orang pengawas sekolah sedang bertugas di hadapan pintu pagar sekolah.
- 3 Seorang murid perempuan melambaikan tangan ke arah ibunya yang berada di dalam kereta.
- 4 Murid-murid melintas jalan melalui laluan yang disediakan supaya keselamatan diri mereka terjamin.
- 5 Dua orang murid perempuan duduk menunggu kawannya di hentian bas.

## Tema 4

## Unit 10: Program Khidmat Masyarakat

### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Kelab Kaunseling Sekolah Kebangsaan Sri Setia telah mengadakan beberapa aktiviti tahunan. Antara aktiviti yang dijalankan ialah lawatan sambil belajar ke Rumah Anak Yatim Ceria. Dalam lawatan itu, mereka telah menyampaikan sumbangan barangan keperluan harian kepada penghuni rumah anak yatim tersebut.

Seterusnya, wakil daripada Kelab Kaunseling bersama guru pengiring telah ke hospital untuk melawat seorang murid daripada Kelas Tahun Dua Merah yang kemalangan jalan raya. Mereka juga telah menyampaikan sumbangan kepada murid berkenaan.

Selain itu, Kelab Kaunseling juga telah mengadakan gotong-royong membersihkan Rumah Orang-orang Tua Taman Bahagia. Antara aktiviti yang dilakukan ialah membersihkan, memotong rumput dan mengecat pagar kawasan rumah tersebut.

Kelab Kaunseling juga turut menganjurkan kempen “Masyarakat Penyayang”, iaitu kempen untuk membantu mereka yang memerlukan pertolongan seperti golongan warga tua.

### Kemahiran Membaca

- 1 Pak Senik ialah seorang pemimpin masyarakat.
- 2 Pak Senik berasa bangga kerana beliau berjaya memimpin penduduk di kampungnya hingga ke peringkat yang lebih tinggi.

- 3 Maksud pepatah tersebut ialah bekerjasama dalam melakukan sesuatu pekerjaan sama ada susah atau senang.
- 4 Ciri-ciri pemimpin yang baik ialah rajin, bertanggungjawab, adil, saling bekerjasama dan bijak menguruskan anak-anak buah.

#### Kemahiran Menulis

- Isi 1:** Setibanya kami di sana, kami disambut oleh penyelia di situ. Kami diberikan taklimat ringkas oleh penyelia tersebut.
- Isi 2:** Kami melayan, berbual-bual serta melihat aktiviti harian penghuni di rumah orang-orang tua itu. Lazimnya pada masa lapang, mereka gemar berbual-bual sambil minum dan bermain dam. Namun, ada juga yang bersenam, membaca dan sebagainya.
- Isi 3:** Kemudian, kami bergotong-royong membersihkan persekitaran rumah tersebut. Kami berharap mereka akan berasa lebih selesa selepas itu. Kami sempat mengambil gambar kenangan.
- Isi 4:** Menjelang petang, kami mengadakan aktiviti riadah dengan warga tua di sana. Antaranya perlawanan bola sepak, bermain catur, senamrobik dan sebagainya.

#### Unit 11: Khidmat Rakan Sebaya

##### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 pemeriksaan kesihatan dan cara menjaga kesihatan gigi. Murid-murid akan diajar cara-cara memberus gigi dengan betul.
- 2 aktiviti senamrobik beramai-ramai, ceramah kesihatan, aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan sekolah dan pertandingan melukis poster.

##### Kemahiran Membaca

- 1 Berdisiplin
- 2 Sabar
- 3 Prihatin
- 4 Baik hati
- 5 Berbudi bahasa
- 6 Mengenang budi

##### Kemahiran Menulis

- 1 Anugerah Doktor Muda
- 2 sekolah
- 3 menyumbangkan
- 4 pertolongan
- 5 Kelab Doktor Muda
- 6 disampaikan
- 7 gembira
- 8 pembimbing

#### Unit 12: Skuad Prihatin

##### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 Memulihkan peralatan sekolah dapat membantu sekolah menangani perbuatan vandalisme.
- 2 Kunjungan skuad sekolah ke rumah murid yang sakit dapat menggembirakannya dan bantuan yang diberikan dapat meringankan bebannya.
- 3 Kawasan Taman Sains sekolah akan menjadi bersih dan ceria dengan aktiviti gotong-royong yang dilakukan.
- 4 Aktiviti melukis mural dapat mencantik dan menceriakan kawasan sekolah.

##### Kemahiran Membaca

- |               |                 |
|---------------|-----------------|
| 1 menghadiri  | 7 ketakutan     |
| 2 menghampiri | 8 kesusahan     |
| 3 pertolongan | 9 kesakitan     |
| 4 menasihati  | 10 memberikan   |
| 5 perjalanan  | 11 menceritakan |
| 6 mendapatkan | 12 menghulurkan |

##### Kemahiran Menulis

skuad prihatin sekolah kita akan menganjurkan "Program Perangi Nyamuk Aedes" pada hari Ahad, jam 8.00 pagi. Tujuan program ini adalah untuk memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes di sekitar kawasan sekolah ini.

Pada hari tersebut, kita akan mengadakan gotong-royong untuk memusnahkan tempat atau benda yang dapat menakung air seperti bekas makanan, tin-tin kosong, kolam ikan, pasu-pasu bunga dan tayar buruk. Kita juga akan membersihkan longkang-longkang yang tersumbat. Hal ini demikian kerana longkang yang tersumbat akan menakung air dan memudahkan nyamuk untuk membiak.

## Tema 5

#### Unit 13: Irama Warisan

##### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 Pertandingan Tarian Tradisional
- 2 hari Sabtu, iaitu 21 Jun 2017
- 3 Dewan Besar Sekolah Kebangsaan Kerian
- 4 9.00 pagi
- 5 semua murid Tahap Dua
- 6 berkumpulan
- 7 borang penyertaan daripada Puan Lidiana
- 8 sebelum atau pada 10 Jun 2017

##### Kemahiran Membaca

- 1 (a) Berapa harikah kita di sana, ayah?  
(b) Adakah akan diadakan persembahan dondang sayang, ibu?
- 2 (a) Hujung minggu ini, kita akan ke rumah Mak Usu.  
(b) Anak perempuan Mak Usu akan berkahwin.
- 3 (a) Wah, seronoknya!  
(b) Oh, begitu!
- 4 (a) Siti, tolong letakkan piring kuih ini di atas meja.  
(b) Ayah, jemputlah minum.

##### Kemahiran Menulis

- Isi 1:** persembahan Tumbuk Kalang – muzik tradisi rakyat Negeri Sembilan
- Isi 2:** alat muzik terdiri daripada lesung dan antan – diperbuat daripada kayu merbau atau halban
- Isi 3:** tumbukan di dalam lesung menghasilkan irama – mencincang dan menganak atau meningkah – tumbukan mengibu penentu lagu yang dimainkan
- Isi 4:** zaman dahulu dipersembahkan Tumbuk Kalang pada waktu malam – selepas menuai dan membanting padi

#### Unit 14: Serupa tetapi Berbeza

##### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Maklumat tersirat yang terdapat dalam petikan ialah mangkuk tingkat digunakan sejak turun-temurun lagi.

Masyarakat Melayu sangat mementingkan adab dan sopan santun. Sebab itulah mereka membawa mangkuk tingkat sewaktu menziarahi seseorang. Amalan bertukar-tukar juadah yang diletakkan di dalam mangkuk tingkat masih berkekalan hingga kini.

#### Kemahiran Membaca

##### Ayat Tunggal

- 1 Bunga telur sangat sinonim dengan majlis perkahwinan masyarakat Melayu.
- 2 Setiap majlis perkahwinan orang Melayu pasti diserikan dengan pemberian bunga telur.
- 3 Bunga telur juga dikenali sebagai bunga pahar.
- 4 Pada masa ini terdapat pelbagai jenis bunga telur.
- 5 Gubahan bunga telur juga dapat menghiasi pelamin.

##### Ayat Majmuk

- 1 Bunga telur merupakan buah tangan daripada pengantin kepada tetamu yang menghadiri majlis perkahwinannya.
- 2 Semuanya cantik dan menarik.
- 3 Bunga telur diambil daripada bunga pahar yang diletakkan di sebelah kiri dan kanan pelamin.

#### Kemahiran Menulis

Gula enau atau gula kabung dihasilkan daripada nira pokok enau. Kita perlu mencantas tandan yang sedang kembang. Tandan yang dicantas itu akan mengeluarkan air atau nira dari hujungnya. Bahagian hujung tandan yang dicantas itu perlu dihiris pada waktu pagi dan petang untuk mendapatkan nira yang banyak.

Kemudian, nira itu akan ditapis sebelum dimasukkan ke dalam kawah. Nira akan dimasak sehingga pekat dan berwarna coklat kemerahan sebelum diisi ke dalam acuan. Isi dalam acuan akan mengeras dan membentuk gula enau. Apabila gula enau telah keras, gula enau akan dikeluarkan daripada acuan. Daun enau kering digunakan untuk membalut gula enau.

Gula enau ini berbau harum. Manisnya pula tidak sama dengan gula tebu. Oleh sebab itu, gula enau sangat sesuai dijadikan bahan masakan kuih-muih, makanan, dan minuman. Selain itu, gula enau juga menjadikan masakan seperti rendang dan kuah kacang lebih enak.

#### Unit 15: Unik dan Kreatif

#### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 pemidang
- 2 kain putih; pensel
- 3 Campuran lilin
- 4 canting
- 5 berus
- 6 pematik warna
- 7 serbuk soda

#### Kemahiran Membaca

Idea sampingan:

- 1 Perayaan ini disambut antara bulan Mei hingga Jun selama seminggu bertujuan untuk menghormati semangat padi.
- 2 Pelbagai acara diadakan semasa Pesta Magavau, namun tarian Sumazau adalah yang paling popular.
- 3 Penari-penari akan memakai pakaian rasmi kaum Kadazan semasa menari tarian Sumazau sambil diiringi paluan gong dan gendang.

- 4 Tarian Sumazau tetap dipelajari dan diamalkan oleh masyarakat di Sabah tanpa mengira agama dan kaum.

#### Kemahiran Menulis

Namaku keris. Aku merupakan sejenis senjata pendek yang digunakan sejak 800 tahun dahulu. Terdapat nama yang berbeza dalam kalangan adik-beradik dan keturunanku. Namun, yang terkenal ialah Keris Taming Sari, iaitu senjata yang digunakan oleh Hang Tuah, seorang pahlawan Melayu yang terkenal. Keris ini dipercayai mempunyai kuasa sakti, iaitu pemiliknya kebal atau tak lut ditikam musuh.

Badanku diperbuat atau ditempa daripada besi yang terpilih. Pada badanku, terdapat tiga bahagian, iaitu mata, hulu dan sarung. Kadangkala ada dalam keluargaku yang diukir dan dihias cantik.

Aku mempunyai banyak peranan atau fungsi. Antaranya, sebagai senjata pertahanan diri oleh pendekar, pahlawan serta pembesar istana. Selain itu, aku dijadikan lambang kedaulatan orang Melayu serta alat kebesaran diraja. Namun, pada masa sekarang, aku adalah senjata warisan. Aku hanya digunakan semasa pertabalan raja atau Hang di-Pertuan Agong. Adakala aku dipakai di pinggang oleh pengantin lelaki dalam upacara persandingan masyarakat Melayu. Selain itu, aku juga dijadikan sebagai cenderamata untuk para pelancong atau tetamu yang datang ke Malaysia.

Aku bangga akan keturunanku. Oleh itu, aku berharap aku tetap dijaga dan terus diwarisi oleh generasi seterusnya agar tidak lupus ditelan zaman.

## Tema 6


### Unit 16: Kemajuan Pertanian

#### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 Buah, tandan, batang, pelepah dan daunnya
- 2 marjerin, aiskrim, lemak makanan, sabun, asid lemak dan minyak untuk enjin
- 3 makanan haiwan, bahan api dan bahan semaian
- 4 perabot

#### Kemahiran Membaca

- 1 Centella asiatica.
- 2 Pegaga tidak boleh makan dalam kuantiti yang banyak kerana boleh mengakibatkan kesan narkotik dan keracunan kumulatif.



#### Kemahiran Menulis

##### Ciri-ciri halia:

- 1 Ditanam melalui keratan rizom
- 2 Hidup subur di pelbagai jenis tanah
- 3 Memerlukan cahaya matahari yang cukup
- 4 Tidak perlu disiram secara kerap
- 5 Halia muda dituai semasa berumur lima bulan
- 6 Halia tua dituai semasa berumur sembilan bulan

## Unit 17: Perkembangan Penternakan

### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 mengusahakan ternakan lembu tenusu ini sejak 15 tahun yang lalu.
- 2 kaedah ternakan secara bioteknologi.
- 3 ternakan diberi makanan daripada sumber nutrien semula jadi yang 100 peratus organik.
- 4 bebas daripada bahan kimia, antibiotik dan racun serangga.
- 5 menggunakan alat pemerah susu lembu.

### Kemahiran Membaca

Pada penilaian saya, arnab pedaging dapat ditenak secara komersial kerana permintaan terhadap daging arnab ini sangat tinggi di pasaran. Arnab ini disediakan tempat yang khusus dan dijaga pemakanannya. Selain sebagai sumber makanan, arnab pedaging dapat dijadikan sumber pendapatan. Daging arnab yang enak boleh dimasak dengan pelbagai cara seperti rendang dan gulai, malah sesuai dijadikan sate.

### Kemahiran Menulis

Ikan air tawar mendapat permintaan yang tinggi di pasaran pada masa kini. Oleh sebab itu, banyak pengusaha mengambil peluang untuk memelihara ikan air tawar. Ikan air tawar boleh ditenak secara bersepadu.

Kolam perlu disediakan untuk memelihara ikan air tawar. Kedalaman kolam yang sesuai ialah antara satu hingga dua meter. Keadaan ini akan memudahkan proses pengurusan kolam itu. Kolam ini juga haruslah mempunyai sistem pengaliran yang baik. Kebanyakan kolam menggunakan penapis halus untuk menghalang kemasukan haiwan pemangsa.

Makanan yang sesuai perlu diberikan kepada ternakan air tawar. Biasanya kesesuaian makanan mengambil kira faktor umur ikan-ikan tersebut. Apabila telah mencapai tempoh matang, ikan tersebut akan ditangkap dengan menggunakan jaring untuk dijual di pasaran.

Sesungguhnya bidang penternakan ikan air tawar ini memberikan pulangan yang lumayan jika diusahakan secara bersungguh-sungguh dan penuh kesabaran.

## Unit 18: Hasil Serba Guna

### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 rumpai laut merah, rumpai laut perang dan rumpai laut hijau.
- 2 Rumpai laut boleh dimakan mentah atau dimasak.
- 3 pencuci mulut dan jus.
- 4 kencing manis, penyakit kulit dan gastrik.
- 5 syampu, cat, racun serangga dan dakwat.

### Kemahiran Membaca

- 1 timun laut.
- 2 Gamat tergolong dalam haiwan invertebrata kerana haiwan ini tidak mempunyai tulang belakang.
- 3 Gamat dikatakan sebagai haiwan yang unik kerana apabila badannya dipotong-potong, gamat masih dapat hidup jika dimasukkan semula ke dalam laut.
- 4 Sabun mandi, syampu badan, ubat gigi, minyak gamat dan jus gamat.

### Kemahiran Menulis

Ayam merupakan haiwan ternakan yang banyak kegunaannya. Bahagian-bahagian ayam seperti telur,

daging, bulu mahupun tahi diproses untuk dijadikan makanan atau bahan kegunaan yang lain.

Daging ayam boleh dimasak pelbagai resipi untuk dijadikan hidangan yang lazat seperti kari, sup, rendang, digoreng dan masakan lain. Dengan teknologi terkini, ayam juga diproses menjadi makanan sejuk beku seperti nuget, ketulan ayam goreng, daging burger dan sebagainya. Selain daging, telur ayam juga digunakan untuk membuat kuih-muih, biskut dan kek.

Sementara itu, daripada bahagian luar ayam seperti bulunya dapat digunakan untuk membuat penyapu habuk, bulu tangkis, barang perhiasan dan lain-lain lagi. Tahi ayam pula dapat diproses untuk dijadikan baja campuran yang bermutu tinggi untuk tanaman.

Sesungguhnya, dengan teknologi terkini, ayam dapat diproses dan dipelbagaikan kegunaannya. Penghasilan ini membolehkan ayam dimanfaatkan sepenuhnya.

## Tema 7

### Unit 19: Pekerti Mulia Amalan Kita

### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 Yang Berusaha Tuan Guru Besar
- 2 Ustaz Hakimi
- 3 Yang Berhormat Pengerusi PIBG
- 4 Puan Jamilah
- 5 Encik Borhan

### Kemahiran Membaca

- 1 Kita hendaklah menghormati guru.
- 2 Kita hendaklah membantu guru dengan ikhlas.
- 3 Kita perlu memberikan tumpuan ketika guru sedang mengajar di dalam kelas.
- 4 Kita hendaklah berusaha untuk mencapai kecemerlangan dalam pelajaran.
- 5 Kita seharusnya mengunjungi guru-guru yang pernah mendidik kita selama ini.

### Kemahiran Menulis

**Pendahuluan:** jasa orang tua terhadap kita amat besar – ibu bapa membesarkan kita dengan penuh kasih sayang – kita juga perlu menghormati semua orang yang lebih berusia daripada kita

**Isi 1:** perlu meluangkan masa untuk menggembarakan ibu dan bapa yang telah tua – membuatkan mereka berasa dihargai oleh anak-anak – ibu bapa bukanlah mengharapkan wang ringgit daripada anak-anak – mereka memerlukan perhatian dan belaian kasih sayang

**Isi 2:** perlu menghormati dan prihatin terhadap warga tua yang lain selain daripada ibu bapa – memberikan tempat duduk kita kepada warga tua yang berdiri ketika dalam kenderaan awam – menunjukkan kita prihatin terhadap keselamatan mereka

**Isi 3:** bersikap ringan tulang dengan membantu orang tua walau di mana-mana sahaja kita berada – apabila kita melihat orang tua membawa barang yang banyak, kita perlulah menawarkan diri untuk menolong mereka membawa barang-barang itu

**Penutup:** orang tua perlulah kita hormati – sayangi kerana tanpa mereka siapalah kita

## Unit 20: Cinta akan Negara

### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 saya
- 2 Beliau
- 3 kami
- 4 kamu
- 5 Bila
- 6 Mengapa

### Kemahiran Membaca

- 1 Tahun 1895 beliau dilahirkan,  
Dipelihara oleh Sultan Ibrahim.
- 2 Tahun 1962 beliau meninggal dunia,  
Besarnya jasanya dilupa jangan.

### Kemahiran Menulis

No. 2, Taman Lestari Perdana,  
Bandar Tasik Selatan,  
43300 Puchong, Selangor.  
10 September 2017.

Menemui sahabatku, Rania yang kini berada di Raub, Pahang. Semoga saudari dan keluarga sihat sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin memohon maaf atas kelewatan membalas surat saudari. Hal ini disebabkan oleh saya baru sahaja selesai menduduki ujian akhir tahun.

Di sini saya ingin bercerita tentang sambutan Bulan Kemerdekaan yang telah diadakan di sekolah saya. Semasa sambutan ini, guru-guru mengagihkan Jalur Gemilang kepada semua murid. Selepas itu, semua guru dan murid berdiri tegak untuk menyanyikan lagu "Negaraku". Kemudian, guru besar menyampaikan ucapan. Beliau menyatakan bahawa tujuan sambutan Bulan Kemerdekaan diadakan adalah bersempena dengan ulang tahun kemerdekaan negara. Selepas itu, guru mata pelajaran Sejarah menyampaikan ceramah tentang sejarah kemerdekaan negara.

Pelbagai aktiviti diadakan sepanjang sambutan itu. Antaranya termasuklah ceramah, pertandingan melukis poster dan pertandingan mencipta puisi. Saya berasa sangat seronok dan berharap program seperti itu diadakan lagi. Saya berharap saudari akan menceritakan pula sambutan Bulan Kemerdekaan yang disambut di sana.

Akhir kata, sambutilah salam mesra daripada saya sekeluarga. Semoga kita bersua lagi dalam warkah yang akan datang.

Sahabatmu,  
*Khairunnisa*

## Unit 21: Negaraku Gemilang

### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 Harap cikgu dapat beritahu saya tentang pulau-pulau menarik di sana.
- 2 bolehkah cikgu terangkan keistimewaan pulau-pulau tersebut?
- 3 bolehkah cikgu berikan maklumat tentang kemudahan pengangkutan semasa di sana nanti?

### Kemahiran Membaca

- 1 mengetahui tempat-tempat menarik di Malaysia.
- 2 Antara tempat menarik yang boleh dilawati oleh Addy di Kuala Lumpur ialah Menara Berkembar Petronas, Menara Kuala Lumpur, Masjid Negara, Balai Seni

Lukis Negara, Dataran Merdeka, Muzium Negara dan Bangunan Parlimen.

- 3 Tempat yang sesuai untuk mereka tuju ialah Pavilion, Suria KLCC, Mid Valley Mega Mall dan Times Square.

### Kemahiran Menulis

- 1 Bunga raya yang berwarna merah telah diisytiharkan sebagai Bunga Kebangsaan Malaysia pada 28 Julai 1960. Bunga raya dipilih sebagai lambang negara berdasarkan sifat bunga raya yang unik.
- 2 Bentuk lima kelopak yang terdapat pada bunga raya menandakan lima prinsip Rukun Negara. Warna merah pada bunga raya bermaksud sikap keberanian untuk menempuh cabaran.
- 3 Kepelbagaian bunga raya dari segi warna, bentuk dan ukuran juga menandakan kepelbagaian bangsa, agama dan kebudayaan rakyat Malaysia yang dapat hidup aman damai dan harmoni.

## Tema 8

### Unit 22: Sumber Pendapatan

### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 sambutan Hari Koperasi sekolah kita. Sempena Hari Koperasi, Persatuan Koperasi sekolah akan menganjurkan Pertandingan Penyediaan Makanan Sejuk Beku.
- 2 pertandingan ini terbuka kepada murid-murid Tahap Dua sahaja, iaitu tahun 4, 5 dan 6. Penyertaan mestilah secara berkumpulan, iaitu sebanyak tiga orang peserta bagi setiap kumpulan. Menu pula akan ditetapkan oleh pihak penganjur dan peralatan memasak perlu dibawa sendiri oleh peserta.
- 3 menghubungi Cikgu Aida Mazura atau Cikgu Zulkifly untuk mendapatkan keterangan dengan lebih lanjut.

### Kemahiran Membaca

- 1 Bersungguh-sungguh – Kita perlu berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai sesuatu yang dihajati.
- 2 Menghormati – Kita perlu menghormati ibu bapa seperti bersalaman dan mencium kedua-dua tangan ibu dan ayah.
- 3 Menjaga kebersihan – Kita hendaklah sentiasa menjaga kebersihan seperti membasuh tangan sebelum memegang sesuatu makanan.
- 4 Berdisiplin – Kita mestilah menjadi seorang murid yang berdisiplin dan mematuhi peraturan sekolah.
- 5 Menghargai jasa – Kita perlulah menghargai jasa orang yang telah membantu kita.

### Kemahiran Menulis

**Langkah 1:** Langkah pertama ialah bersihkan ikan dan asingkan isi ikan daripada tulangnya.

**Langkah 2:** Selepas itu, kisar isi ikan dengan sedikit bawang putih, tepung sagu, garam dan serbuk perasa.

**Langkah 3:** Gaul semua bahan tersebut hingga sehati.

**Langkah 4:** Sapukan tangan dengan sedikit minyak agar adunan tidak melekat pada tangan semasa proses menguli.

**Langkah 5:** Uli adunan dalam bentuk memanjang.

**Langkah 6:** Adunan keropok lekor yang telah dibentuk perlu direbus dalam air mendidih yang

dicampur sedikit minyak agar keropok tidak melekat antara satu dengan yang lain.

**Langkah 7:** Biarkan sehingga keropok terapung yang menandakan keropok tersebut telah masak.

**Langkah 8:** Angkat keropok, toskan dan goreng hingga masak.

### Unit 23: Pengusaha Berwawasan

#### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 Puan Haslina berminat membuat kek dan biskut. Dia mula menceburi bidang membuat kek ini sejak kecil lagi apabila sering membantu ibunya menerima tempahan. Dia memulakan kerjayanya dengan mengambil tempahan dari rumah.
- 2 Kek yang dibuat oleh Puan Haslina mendapat sambutan. Hal ini demikian kerana dia membuat promosi di Internet. Oleh itu, dia mendapat tempahan yang banyak setiap hari.
- 3 Puan Haslina berhasrat membuka kedai keknya sendiri. Dia mengumpul wang dan menyimpannya di bank. Wang yang terkumpul itu akan dijadikan modal untuk berniaga.
- 4 Akhirnya, Puan Haslina berjaya membuka kedai keknya sendiri. Perniagaannya semakin maju dari hari ke hari. Kini, dia ada beberapa cawangan kedai kek dan biskut.

#### Kemahiran Membaca

- 1 besar hati – gembira/bangga
- 2 kais pagi makan pagi, kais petang makan petang – pendapatan yang diperoleh cukup untuk sehari sahaja
- 3 alas perut – makan sedikit untuk menghilangkan lapar
- 4 bulat hati – bersungguh-sungguh/bertekad
- 5 makan gaji – bekerja dengan pihak lain untuk memperoleh upah
- 6 titik peluh – hasil usaha sendiri
- 7 lupa daratan – tidak mengenang budi dengan orang yang pernah menolongnya

#### Kemahiran Menulis

Pada minggu lepas, sekolah saya telah mengadakan Sambutan Hari Kantin. Sempena sambutan itu, Persatuan Kemahiran Hidup telah menganjurkan Pertandingan Penyediaan Makanan Sejuk Beku.

Terdapat beberapa syarat pertandingan dikenakan kepada peserta yang ingin menyertainya. Antaranya, pertandingan ini terbuka kepada murid-murid Tahap Dua sahaja. Penyertaan pula secara berkumpulan, iaitu tiga orang peserta bagi setiap kumpulan. Menu akan ditetapkan oleh pihak penganjur dan peralatan memasak perlu dibawa sendiri.

Ibu bapa juga turut hadir untuk memberikan sokongan kepada para peserta. Sambutan Hari Kantin ini berlangsung dengan meriah dan pelbagai menu telah dihasilkan oleh para peserta. Pemenang pada hari itu, iaitu Tahun Enam Merah menerima wang sebanyak RM100.

Sambutan Hari Kantin diakhiri dengan ucapan guru besar. Beliau menyatakan tujuan Sambutan Hari Kantin ini diadakan adalah untuk mendedahkan murid-murid dengan dunia usahawan. Selain itu, sambutan ini adalah sebagai galakan kepada murid-murid untuk mencari wang saku atau pendapatan sampingan.

### Unit 24: Mengurus Wang

#### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 hadiah
- 2 jam tangan
- 3 jam tangan
- 4 jam tangan
- 5 tabung
- 6 kek
- 7 minuman

#### Kemahiran Membaca

	Ayat	Jenis Ayat
1	Bukankah Cikgu Ramlan itu guru kelas Alia?	Ayat tanya
2	Wah, baguslah kalau begitu!	Ayat seruan
3	Kami akan membuat majlis perpisahan untuk Cikgu Ramlan esok.	Ayat pancangan
4	Ibu, Cikgu Ramlan akan berpindah sekolah pada minggu hadapan.	Ayat penyata
5	Sebenarnya, Alia dan kawan-kawan tidak mempunyai wang yang cukup untuk membeli kek.	Ayat nafi
6	Jangan risau, Alia.	Ayat perintah

#### Kemahiran Menulis

KUALA LUMPUR, 28 Januari – Karnival Bank Simpanan Nasional (BSN) Cawangan Cheras telah diadakan di ruang legar Pasar Raya Anggerik bersempena dengan cabutan bonanza bulanan bagi bulan Januari. Karnival diadakan bermula dari pukul 10.00 pagi hingga 5.00 petang. Karnival pada kali ini telah dirasmikan sendiri oleh Pengurus Besar Bank Simpanan Nasional Cawangan Cheras, iaitu Encik Mokhtaruddin Bin Ahmad. Beliau melahirkan perasaan gembira kerana ramai pelanggan yang hadir memberikan sokongan.

Karnival ini diadakan bertujuan memupuk minat suka menabung di bank dalam kalangan pelanggan dan orang ramai sekali gus memberi kesedaran tentang faedah berjimat cermat. Selain itu, karnival ini juga bertujuan memberikan maklumat berkaitan kewangan kepada para pelanggan seperti pengurusan kewangan secara berhemat, pelaburan dan penyimpanan wang. Orang ramai juga dinasihatkan supaya menyimpan wang tunai di bank kerana lebih selamat.

Pelbagai aktiviti menarik diadakan bersempena dengan karnival ini. Antaranya, orang ramai boleh membuka akaun simpanan, menyimpan dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional untuk anak-anak, membeli dan melabur dalam Sijil Simpanan Premium dan sebagainya. Semua produk yang ditawarkan oleh BSN adalah mesra pelanggan dan sangat berfaedah. Di samping itu, orang ramai berpeluang mendapat pelbagai hadiah dalam cabutan bertuah seperti hamper dan barangan BSN seperti tabung, t-shirt, topi dan sebagainya. Sambutan daripada orang ramai sangat menggalakkan.

Ternyata program seperti ini sangat berfaedah dan sesuai untuk semua peringkat umur kerana mereka berpeluang menyertai pelbagai tawaran daripada BSN. Kanak-kanak boleh menyimpan wang tanpa perlu ke bank manakala orang dewasa pula boleh membuat atau



menambah pelaburan secara terus. Karnival ini dapat menarik para pelanggan untuk membuat pelaburan secara bijak demi masa depan diri dan keluarga.

Justeru, orang ramai perlu mengambil peluang ini dengan bersama-sama menyertai karnival anjuran BSN ini. Pihak BSN juga perlu mengadakan karnival ini di semua tempat agar orang ramai berpeluang menyertainya. Rakyat Malaysia diharapkan agar lebih bijak mengurus wang dan membuat pelaburan bijak bersama Bank Simpanan Nasional.

## Tema 9

### Unit 25: Manusia dan Alam Sekitar

#### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

<b>Fenomena</b>	Pemanasan global/Pemanasan sejagat
<b>Maksud</b>	Pemanasan suhu dunia yang dikaitkan dengan pemerangkapan gas rumah hijau.
<b>Contoh gas rumah hijau</b>	Karbon dioksida, karbon monoksida, kloroflorokarbon (CFC) dan nitrogen.
<b>Punca</b>	Aktiviti perindustrian, asap kenderaan bermotor, pembakaran hutan, aktiviti pertanian dan penternakan, letusan gunung berapi dan banyak lagi.
<b>Kesan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kecairan liputan salji dan glasier di kedua-dua kutub menyebabkan banjir.</li> <li>• Tanah-tanah pertanian musnah.</li> <li>• Tanah menjadi tandus dan pokok-pokok akan mati akibat kemarau.</li> <li>• Ribut, taufan dan banjir kerap berlaku.</li> </ul>

#### Kemahiran Membaca

- 1 Cinta akan kebersihan – elakkan pencemaran alam sekitar seperti sungai atau longkang
- 2 Semangat kejiranan – tidak pentingkan diri sendiri
- 3 Kerjasama – menjaga kebersihan kampung
- 4 Taat – patuh arahan atau nasihat ketua kampung
- 5 Rasional – sedar akan kesalahan

#### Kemahiran Menulis

Pada hujung minggu yang lalu, keluarga saya telah mengadakan gotong-royong membersihkan kawasan rumah. Saya amat teruja melakukan kerja membersihkan rumah bersama-sama.

Selepas selesai bersarapan, kami mula melakukan tugas yang telah diagihkan oleh ayah. Kakak saya, Amira ditugaskan membersihkan kawasan halaman rumah. Abang Long pula ditugaskan membersihkan longkang. Sementara itu, Abang Ngah Fikri dikehendaki mencuci tingkap rumah. Saya pula dikehendaki menolong Kak Amira mengutip dan membuang sampah yang terdapat di sekeliling rumah kami. Adik saya hanya ditugaskan membantu ayah mencuci kereta dan ibu pula membubuh baja pada pokok bunga serta menghias kawasan halaman rumah.

Kerja-kerja membersihkan kawasan rumah kami berakhir pada 12.30 tengah hari. Seluruh pelusok rumah kami kelihatan bersih, kemas dan tersusun. Walaupun keletihan, namun saya berasa gembira kerana kawasan rumah kelihatan bersih dan ceria.

### Unit 26: Lestarkan Alam Kita

#### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 membersihkan sungai, tasik, dan pantai daripada pencemaran.
- 2 membina kilang tanpa asap dan berkongsi kereta.
- 3 mengitar semula bahan buangan untuk mengurangkan kuantiti sampah.
- 4 mengawal pembalakan haram dan penebangan hutan yang tidak dirancang.

#### Kemahiran Membaca

- 1 Perkembangan terkini dalam bidang sains yang ditemukan ialah pancaran matahari yang dijadikan sumber tenaga untuk membekalkan tenaga elektrik ke rumah.
- 2 ✓, X
- 3 Pada pendapat saya, cara untuk mengurangkan penggunaan tenaga elektrik dalam kehidupan harian adalah dengan menutup suis apabila tidak digunakan, kurangkan penggunaan penyaman udara atau kipas apabila musim hujan dan menukarkan alat elektrik yang sudah melebihi 10 tahun untuk menjimatkan elektrik.

#### Kemahiran Menulis

##### Pendahuluan:

alam sekitar – tempat kehidupan bagi manusia, flora dan fauna – cara melestarikan alam – melalui kempen dan program seperti hijaukan bumi, kitar semula, jaga kebersihan alam dan kekalkan habitat haiwan

##### Isi 1:

kempen hijaukan bumi – menanam pokok di setiap kawasan – pokok membekalkan oksigen kepada manusia melalui proses fotosintesis

##### Isi 2:

kitar semula sampah atau barang terpakai – kertas, surat khabar, botol, dan besi – kurangkan kuantiti sampah – barang tersebut diproses menjadi bahan mentah untuk kegunaan industri – contoh: kertas surat khabar lama untuk kilang kertas

##### Isi 3:

menjaga kebersihan alam sekitar – gotong-royong membersihkan kawasan sekitar – kawasan tempat tinggal, pantai, sungai dan sebagainya – untuk manfaat semua hidupan – contoh: kawasan bersih – menenangkan fikiran dan elakkan penyakit daripada haiwan pembawa penyakit – tikus dan lalat

##### Isi 4:

kekalkan habitat haiwan – jangan memburu haiwan yang terancam dan kekalkan ekosistem hutan – elakkan kepupusan haiwan

##### Penutup:

semua pihak bertanggungjawab menjaga dan melestarikan alam sekitar – penting untuk kesejahteraan hidup sejagat

### Unit 27: Sayangi Alam Sekitar

#### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 model kapal terbang dan helikopter daripada bahan terbuang

- 2 polistirena
- 3 daripada 100 buah model kapal terbang dan helikopter
- 4 lima jam
- 5 memenuhi masa lapangnya
- 6 sumber pendapatan

#### Kemahiran Membaca

- 1 Maksud *bahtera* dalam pantun di atas ialah kapal layar yang besar.
- 2 Kita harus menyayangi alam sekitar untuk memastikan kesejahteraan hidup.
- 3 ✓, ✗
- 4 Penduduk mengalami kesusahan kerana banjir akan menyebabkan tanah runtuh berlaku.

#### Kemahiran Menulis

Pada hari minggu yang lalu, sekolah saya telah mengadakan gotong-royong untuk membersihkan dan menceriakan kawasan sekolah. Saya teruja untuk ke sekolah pada pagi tersebut. Selepas bersarapan, saya bergegas ke sekolah. Saya adalah antara murid yang terawal tiba di sekolah, iaitu pada pukul 7.30 pagi, manakala gotong-royong itu bermula pada pukul 8.00 pagi.

Saya dan rakan-rakan lain dikehendaki membawa cangkul, baldi, berus, penyapu dan banyak lagi. Loceng berbunyi menandakan kami dikehendaki berkumpul di padang sekolah. Guru besar memberikan taklimat ringkas kepada kami. Beliau juga berpesan agar kami sentiasa menjaga kebersihan.

Kemudian, guru yang bertugas membahagikan kami kepada beberapa kumpulan untuk membersihkan dan menceriakan sekeliling kawasan sekolah, iaitu membersihkan longkang, memungut dan membuang sampah, membuat dan mengecat mural serta membersihkan kolam dan Taman Sains. Kumpulan saya dikehendaki memungut dan membuang sampah.

Kami berhenti rehat seketika untuk menghilangkan penat. Kami menikmati jamuan ringan yang disediakan oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru (PIBG). Kemudian, kami menyambung kembali gotong-royong tersebut.

Gotong-royong tamat pada jam 1.00 petang. Walaupun penat, namun kami gembira kerana sekolah kami bersih dan ceria. Kami berazam untuk menjaga kebersihan sekolah dan mengekalkan keceriaan tersebut.

## Tema 10

### Unit 28: Sains dalam Kehidupan

#### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 pertanian moden dengan cara mengalirkan baja cecair melalui saluran pengaliran yang telah diukur dengan sukatan masa tertentu serta mengikut tumbesaran pokok.
- 2 pemberian nutrien yang lengkap serta dikawal mengikut pertumbuhan pokok, menjamin kebersihan dan menghindari pelbagai penyakit, dapat mengatasi masalah bawaan tanah serta dapat mengekalkan kualiti hasil yang lebih baik.
- 3 kos yang tinggi bagi memulakan projek, memerlukan kemahiran dan kecekapan untuk menggunakannya serta boleh menyebabkan kerugian besar jika sistemnya rosak.

#### Kemahiran Membaca

- 1 Baja organik dihasilkan daripada hasil sampingan organisma yang mengandungi nutrien yang diperlukan untuk pertumbuhan tanaman.
- 2 meningkatkan tahap keasidan tanah, iaitu menurunkan nilai pH tanah.
- 3 Pada pendapat saya, baja yang akan saya gunakan ke atas tanaman ialah baja organik kerana dihasilkan daripada benda hidup dan tidak mengandungi bahan kimia serta lebih baik untuk kesihatan. Selain itu, baja organik juga tidak memberi kesan kepada tanah malah memperbaiki struktur tanah.  
(Terima jawapan lain yang munasabah)

#### Kemahiran Menulis

Perkembangan sains dan teknologi telah membantu manusia dalam kehidupan seharian. Seiring dengan perkembangan itu, pelbagai ciptaan telah diperkenalkan untuk memudahkan dan mempercepatkan kerja manusia. Di samping itu, ciptaan sains ini turut memberikan hasil yang lebih bermutu.

Bagi kerja-kerja di pejabat, ciptaan sains seperti komputer, pencetak, mesin fotostat, telefon dan mesin faksimile telah memudahkan para pekerja melaksanakan tugas mereka. Secara tidak langsung, produktiviti sesebuah syarikat dapat ditingkatkan kerana segala tugas dapat disiapkan dengan cepat.

Selain itu, ciptaan sains juga membantu seseorang wanita menguruskan rumah tangga. Contohnya, periuk elektrik, cerek elektrik dan mesin pengisar mampu membantu para ibu semasa memasak. Kerja-kerja mengemas rumah juga menjadi lebih mudah dengan adanya pembersih hampa gas, mesin basuh dan sebagainya. Oleh itu, banyak masa dapat diijimatkan dan masa ini boleh digunakan untuk memberi tumpuan kepada keluarga dan kerjaya.

### Unit 29: Teknologi Semakin Canggih

#### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 Pertandingan Mereka Cipta Kereta Solar yang dianjurkan oleh Kelab Sains dan Reka Cipta. Pertandingan akan diadakan pada 4 Jun 2017 dari pukul 9.00 pagi hingga pukul 1.00 petang dan bertempat di Dataran Sains sekolah kita.
- 2 pertandingan hanya terbuka kepada murid tahun 4. Penyertaan pula mestilah secara berkumpulan dengan bilangan ahli tidak melebihi 4 orang. Peserta perlu menggunakan bahan kitar semula sebagai bahan utama rekaan kereta solar. Sesiapa yang ingin menyertai pertandingan ini boleh mengambil borang penyertaan di bilik Kelab Sains dan Reka Cipta. Borang mestilah dihantar sebelum atau pada 2 Jun 2017.
- 3 melahirkan murid yang dapat berfikir secara kreatif dan inovatif di samping mencungkil bakat terpendam murid dalam mereka cipta barangan. Selain itu, pertandingan ini turut menyahut saranan kerajaan untuk menjaga alam sekitar dengan menggunakan bahan kitar semula.

#### Kemahiran Membaca

Penggunaan kereta hibrid pada masa akan datang akan bertambah di jalan raya. Para pengguna sedar akan kelebihan kereta hibrid terutamanya dalam menjaga kualiti alam sekitar. Selain itu, bahan api dapat diijimatkan

seterusnya mengurangkan kos perbelanjaan untuk membeli minyak petrol. Pada masa akan datang juga, banyak syarikat pengeluar kereta akan menjual kereta hibrid secara tidak langsung dapat mengurangkan harga kereta ini di pasaran.

#### Kemahiran Menulis

Aku dilahirkan dalam dunia yang serba moden dengan kecanggihan sains dan teknologi. Perkembangan ini memberikan kebaikan kepada manusia sejagat termasuklah dalam bidang pengangkutan. Aku diberi nama Motosikal Canggih.

Aku berbeza dengan motosikal lain yang menggunakan minyak petrol. Aku hanya memerlukan tenaga solar daripada cahaya matahari untuk menghidupkan enjin. Dengan ini, aku mampu mengurangkan pencemaran alam kerana tidak mengeluarkan asap.

Aku juga telah direka mempunyai bumbung agar penunggang yang menggunakan aku tidak akan kepanasan di bawah terik matahari atau kebasahan apabila hujan. Penunggang akan lebih selesa ketika menggunakan aku dalam perjalanan mereka ke destinasi yang dituju sama ada jauh mahupun dekat.

Selain itu, aku sebenarnya telah dicipta tanpa menggunakan tayar untuk pergerakan. Aku mempunyai kuasa terapung yang melawan graviti. Dengan itu, penunggang tidak perlu risau akan mengalami masalah tayar pecah, sekali gus menjimat wang dan perbelanjaan.

Di samping itu, aku juga dilengkapi dengan sistem kedudukan sejagat (GPS) yang terletak di bahagian cermin hadapan. Sistem ini membolehkan penunggang menentukan lokasi seterusnya menuju ke tempat yang dikehendaki dengan mudah.

Sesungguhnya, aku sangat berbangga kerana telah dicipta dengan ciri-ciri mesra alam demi menyelamatkan alam sekitar. Oleh yang demikian kehidupan manusia akan lebih selesa dan sejahtera.

#### Unit 30: Bijak Mencipta

#### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 dimodenkan dan lebih mudah dikendalikan
- 2 menggunakan bara api
- 3 kita tidak perlu memusing batang leman tersebut
- 4 masa dan tenaga pekerja
- 5 cara membakar leman yang mudah dan cepat
- 6 mengekalkan keaslian rasa leman yang enak

#### Kemahiran Membaca

Pada pendapat saya, penciptaan telefon pintar semakin canggih dan hebat kerana setiap syarikat pengeluar telefon ini perlu mencipta telefon yang canggih untuk bersaing dalam pasaran. Hal ini demikian kerana pengguna akan membeli telefon yang dilengkapi dengan pelbagai aplikasi yang dapat memudahkan mereka. Oleh sebab itulah penciptaan telefon pintar semakin canggih kerana perlu seiring dengan kemajuan teknologi maklumat.

#### Kemahiran Menulis

##### Pendahuluan:

jenama Exer – dilahirkan di Shah Alam – berbentuk segi empat dan berwarna merah jambu – lebih ringan dan nipis

#### Isi-isi penting:

- dihantar ke kedai komputer – dipamerkan – dijual dengan harga RM2699 – keistimewaannya menarik perhatian pelanggan
- mempunyai ruang memori yang besar – memasukkan pelbagai aplikasi – memudahkannya menyiapkan kerja-kerja pejabat – bangga dapat membantu tuan aku
- mengakses Internet – kelajuan maksimum – menghantar e-mel, berbual di laman sosial, blog – mendengar lagu dan menonton video kegemaran
- hobi tuan aku – bermain permainan video – memuat turun pelbagai aplikasi permainan – waktu senggang – menghabiskan masa dengan aku

#### Penutup:

dijaga rapi – membersihkan aku dan menyimpan dalam beg khas – sangat bahagia – menyayangi aku – berazam memberikan perkhidmatan terbaik

### SISTEM BAHASA


#### Kata Nama Am Konkrit

- A
- 1 sekeluarga
  - 2 khemah
  - 3 burung
  - 4 adik
  - 5 ikan
  - 6 tasik
  - 7 bukit
  - 8 airnya
  - 9 flora
  - 10 api
  - 11 lagu
  - 12 gambar
- B
- 1 Ayah mendirikan khemah bersama abang di tepi air terjun.
  - 2 Adik sedang memancing ikan di tasik menggunakan joran yang disediakan.
  - 3 Air di tasik itu sungguh jernih sehingga boleh nampak ikan berenang-renang di dalamnya.
  - 4 Pokok di hutan itu tinggi-tinggi belaka dan dipenuhi dengan habitat haiwan.
  - 5 Kami bersiar-siar di kawasan sekitar Tasik Kenyir menggunakan bot sewa.

#### Penjodoh Bilangan

- A
- 1 buah
  - 2 deret
  - 3 pasang
  - 4 kuntum
  - 5 naskhah
  - 6 keping
- B
- 1 buah
  - 2 naskhah
  - 3 bidang
  - 4 keping
  - 5 rangkap
  - 6 batang

### Kata Nama Khas Tak Hidup



### Kata Ganti Nama Tunjuk

- A**
- 1 itu
  - 2 ini
  - 3 ini
  - 4 itu
  - 5 ini
- B**
- 1 Berapakah harga satu kilogram ikan ini?
  - 2 Encik, bolehkah tolong saya melintas jalan untuk ke seberang sana?
  - 3 Di sini, kami menyediakan pelbagai kemudahan untuk para pelawat.
  - 4 Berapakah harga untuk kuih-muih itu?
  - 5 Kakak bekerja sebagai juruwang di sebuah pasar raya.

### Kata Kerja Pasif

- A**
- 1 diperiksa
  - 2 kamu potong
  - 3 dicuci
  - 4 kami siapkan
  - 5 dibersihkan
- B**
- 1 dibantu
  - 2 disukai
  - 3 dimenangi
  - 4 dibimbing
- C**
- 1 tonton – Rancangan itu telah saya tonton di televisyen beberapa hari yang lalu.
  - 2 dilancarkan – Produk itu telah dilancarkan oleh Perdana Menteri di Putrajaya
  - 3 diberi – Kucing kesayangan Aini diberi nama Si Tompok.
  - 4 dikagumi – Kebolehan adik kecil itu mengaji sangat dikagumi oleh semua.
  - 5 disokong – Kempen 'Belilah Barangan Buatan Malaysia' itu disokong oleh semua rakyat Malaysia.

### Kata Adjektif

- 1 tegas
- 2 pandai
- 3 segar

- 4 harum
- 5 merah

### Kata Penguat

- A**
- 1 benar
  - 2 sungguh
  - 3 paling
  - 4 agak
  - 5 terlalu

### B Kata Penguat Hadapan

- 1 Buah mempelam yang dibeli oleh ayah terlalu masam kerana masih belum masak.
- 2 Gunung Kinabalu ialah gunung paling tinggi di Malaysia.
- 3 Latihan Matematik itu agak susah untuk saya siapkan.

### Kata Penguat Belakang

- 1 Bilik itu terang sekali apabila semua lampu telah dipasang.
- 2 Tepat benar jawapan yang diberikan oleh murid itu.
- 3 Makanan yang dijual di gerai itu mahal betul.

### Kata Penguat Bebas

- 1 Baju yang dibeli oleh kakak itu sangat cantik.
- 2 Air sungai itu amat deras apabila musim hujan.
- 3 Harga kereta mainan kawalan jauh itu sungguh mahal.

### Kata Hubung Pancangan Keterangan

- A**
- 1 untuk
  - 2 supaya
  - 3 agar
  - 4 Semasa
  - 5 sewaktu
  - 6 meskipun
  - 7 semoga
- B**
- 1 agar – Kita hendaklah berusaha dengan gigih agar tidak menyesal pada kemudian hari.
  - 2 apabila – Kita akan dapat hidup dengan selesa apabila alam sekitar terpelihara.
  - 3 setelah – Adik tertidur setelah keletihan bermain.
  - 4 supaya – Alif tidur awal supaya dia tidak kelewatan untuk ke sekolah.
  - 5 meskipun – Daud masih berbuat bising meskipun telah ditegur oleh gurunya.

- C**
- 1 kerana
  - 2 apabila
  - 3 agar
  - 4 sekiranya
  - 5 setelah

### Kata Bantu

- A**
- 1 mungkin
  - 2 tengah
  - 3 mesti
  - 4 hendak
  - 5 perlu
  - 6 telah
  - 7 belum
  - 8 pernah
  - 9 akan
  - 10 sedang

### Kata Perintah

- A 1 Tolong  
2 Jemput  
3 sila  
4 Usah  
5 Minta  
6 Jangan

- B 1 Jangan  
2 Sila  
3 Jemput  
4 Usah  
5 Mari

### Kata Pemerl

- A 1 adalah  
2 adalah  
3 ialah  
4 amat  
5 adalah

### Imbuan

- A 1 Mereka bergotong-royong membersihkan kawasan kediaman itu.  
2 Cikgu Salleh membahagikan mereka kepada dua kumpulan.  
3 Tugasan yang diberikan oleh Cikgu Tina perlu disiapkan secepat mungkin.  
4 Adi ditugaskan untuk menaikkan Jalur Gemilang ketika lagu Negaraku dinyanyikan.  
5 Murid-murid dikehendaki beratur semasa membeli makanan di kantin.  
6 "Lina, tolong susunkan majalah di atas meja itu," kata ibu.  
7 "Fariha, jangan hampiri kawasan itu," kata kakak.  
8 "Tugasan berkumpul itu telah kami sempurnakan dengan jayanya," kata Intan dan George.

- B 1 dipersembahkan  
2 mencerikan  
3 perkahwinan  
4 Ketibaan  
5 ditarikan  
6 mengenakan  
7 dijadikan  
8 mengiringi  
9 mengasyikkan  
10 Peralatan  
11 Pergerakan  
12 diwariskan

- C 1 manisan  
2 tunjukkan  
3 Hargai  
4 hentian  
5 Kesalahan  
6 Persahabatan  
7 berhulukan  
8 menceritakan  
9 sasterawan  
10 mahaguru  
11 pancaindera  
12 tatatertib

### Kata Ganda Separa

- A 1 lelayang

- 2 pepohon  
3 lelaki  
4 gegelung  
5 bebuluh  
6 bebunting

- B 1 Mei Lan membuka sebuah nuseri kerana dia minat akan bunga-bunga.  
2 Terdapat berbagai-bagai jenis bunga di nurserinya.  
3 Dia sentiasa menjaga dan membelek-belek bunga yang ditanamnya agar hidup subur.  
4 Pekerja Mei Lan rajin melayan dan berbual-bual dengan pelanggan yang datang ke nurserinya.  
5 Kakak Mei Lan berhati-hati menggubah bunga yang ditempah oleh pelanggan.  
6 Pelanggan yang membuat tempahan bunga memuji-muji akan hasil gubahan bunga oleh kakak Mei Lan.
- C 1 sayur-sayuran – Pak Hamid menjual sayur-sayuran yang ditanamnya di pasar tani.  
2 diagih-agihkan – Bantuan kepada mangsa-mangsa banjir telah diagih-agihkan dengan segera.  
3 bersama-sama – Kami bersama-sama membersihkan kawasan sungai yang selama ini tidak diendahkan.  
4 berhati-hati – Pemandu jalan raya dinasihatkan agar berhati-hati semasa pulang ke kampung.  
5 sayang-menyayangi – Kita perlu sayang-menyayangi antara satu sama lain tanpa mengira kaum atau agama.

### Kata Majmuk

- A 1 Matahari terbit dari arah timur.  
2 Ahli-ahli jawatankuasa penduduk sedang bermesyuarat di dewan serba guna.  
3 Peserta-peserta olahraga itu sedang gigih berlatih.  
4 Cikgu Azman menurunkan tandatangan pada borang permohonan lawatan Kelab Sains Sekolah.  
5 Program itu dapat memupuk semangat kerjasama dalam kalangan murid-murid.
- B Jawatankuasa; kerjasama; tanggungjawab; sukarelawan; antarabangsa; warganegara; setiausaha; ditandatangani

### Ayat Tunggal

- A 1 Subjek : Makanan bagi kambing-kambing itu  
2 Subjek : Daging burung unta  
3 Subjek : Hanya lembu yang melahirkan anak boleh  
4 Subjek : Kambing tenusu peliharaan Pak Halim  
5 Subjek : Ahli-ahli bomba itu
- B 1 Predikat : dihadiahkan oleh ayah sempena hari lahir ibu.  
Ayat : Rantai mutiara itu dihadiahkan oleh ayah sempena hari lahir ibu.  
2 Predikat : dapat menghasilkan beberapa jenis produk seperti jus, serbuk kopi dan bahan kosmetik.  
Ayat : Buah manggis dapat menghasilkan beberapa jenis produk seperti jus, serbuk kopi dan bahan kosmetik.  
3 Predikat : diperbuat daripada buluh, rotan dan tanah liat  
Ayat : Kraf tangan itu diperbuat daripada buluh, rotan dan tanah liat.

- 4 Predikat : dipancing oleh Encik Farid di kolam ternakannya.  
Ayat : Ikan itu dipancing oleh Encik Farid di kolam ternakannya.

**Ayat Aktif dan Ayat Pasif**

- A**
- 1 Hakim membantu orang tua itu melintas jalan.
  - 2 Kawan-kawan dan saudara-mara Chua menziarahinya yang kemalangan di hospital.
  - 3 Azman membantu Cikgu Jane membawa buku-buku latihan ke bilik guru.
  - 4 Ibu menyuruh Siti memberikan sepiring kuih kepada jirannya.
  - 5 Pekerja-pekerja Jabatan Kerja Raya baru sahaja menurap jalan ke Kampung Cendana itu.


**B Ayat Pasif:**

Sambutan Hari Kemerdekaan telah diadakan di sekolah saya pada minggu lepas. Program ini telah dianjurkan oleh persatuan Bahasa Malaysia. Pelbagai aktiviti telah diadakan oleh pihak persatuan sepanjang program itu berlangsung. Setiap pemenang akan diberikan hadiah sebagai galakan untuk mereka menggunakan bahasa Malaysia dengan betul dan menghargai sumbangan tokoh-tokoh negara yang berjasa. Kerjasama yang baik diberikan oleh murid-murid bagi menjayakan program ini.

- C**
- 1 Ayam digoreng oleh ibu di dapur.
  - 2 Basikal ditunggang oleh Alif di taman.
  - 3 Pensel Adi dipinjam oleh Azmir.
  - 4 Majlis Hari Guru Sekolah itu dirasmikan oleh guru besar.
  - 5 Novel kanak-kanak itu ditulis oleh Ain Maisarah.
  - 6 Murid-murid Tahun Empat Jaya sedang diajar oleh Cikgu Hamid.

**SENI BAHASA**

- A**
- 1 semua
  - 2 mulia
  - 3 setia
  - 4 bersama
  - 5 selalu
  - 6 cikgu
  - 7 emas
  - 8 sayang



- C**
- 1 bercuti
  - 2 menginap
  - 3 nyaman
  - 4 menikmati
  - 5 melepaskan
  - 6 gembira
  - 7 cenderamata
  - 8 kenang-kenangan
- D** Berdialog bersama rakan

**PENILAIAN AKHIR TAHUN**

**PEMAHAMAN**

**Bahagian A**

1 A	2 A	3 C	4 D	5 B
6 D	7 C	8 C	9 B	10 A
11 B	12 B	13 D	14 B	15 A
16 C	17 B	18 A	19 D	20 C

**Bahagian B**

**Soalan 21**

- (a) (i) bersama-sama  
(ii) hingar-bingar
- (b) (i) mengawal  
(ii) membersihkan  
(iii) menghadiri  
(iv) meningkatkan
- (c) (i) mengunci  
(ii) menerima

**Soalan 22**

- semoga
- berkat
- berdo'a
- majlis
- pulang

**Soalan 23**

- (a) Ceramah ini diadakan di Dewan Millenium Sekolah Kebangsaan Parit Jelutong.
- (b) Semasa ceramah tersebut diadakan, murid-murid akan diajar cara untuk membuat laporan tentang kerosakan kemudahan awam kepada pihak berkuasa.
- (c) Pada pendapat saya, ceramah tersebut akan memberikan kesan kepada murid-murid kerana mereka akan dibimbing tentang penjagaan kemudahan awam dan disedarkan tentang kepentingannya.

**Soalan 24**

- (a) Hakim berasa teruja sewaktu menaiki kereta kabel kerana itu merupakan pengalaman pertamanya menaiki kereta kabel tersebut dan dapat melihat pemandangan di seluruh Pulau Langkawi.
- (b) X, ✓
- (c) Hakim mahu pergi bercuti lagi bersama-sama keluarganya kerana ingin menikmati tempat-tempat menarik yang ada di Malaysia. Dengan bercuti, Hakim dapat meluaskan pandangan dan pengalamannya di samping mengeratkan hubungan kekeluargaan.

**Soalan 25**

- (a) gotong-royong membersihkan kawasan sekolah.
- (b) Jamuan ringan akan diadakan pada sebelah petang iaitu selepas kerja gotong-royong selesai.

- (c) Guru kelas yang membahagikan murid-murid mengikut kumpulan.
- (d) Pada pendapat saya, taklimat tentang gotong-royong tersebut perlu diberikan kepada murid. Hal ini demikian kerana bagi menerangkan bidang tugas masing-masing.

## PENULISAN

### Bahagian A

- 1 Penduduk kampung bergotong-royong membantu tuan rumah untuk mengadakan majlis perkahwinan.
- 2 Encik Halim dan Encik Roslan memotong ayam dan daging untuk dimasak.
- 3 Beberapa orang penduduk wanita menyediakan bahan-bahan untuk memasak lauk dan sayur.
- 4 Dua orang remaja menghidangkan makanan dan minuman untuk mereka yang sedang memasak.
- 5 Pak Ismail dan Pak Karim mengacau nasi yang dimasak di dalam kawah.

### Bahagian B

Hujan lebat tanpa henti selama dua hari telah menyebabkan kawasan mula dinaiki air. Para penduduk pula mula mengemas barang-barang yang penting untuk diselamatkan. Apabila air banjir menenggelami rumah, mereka naik ke atas bumbung rumah sambil menunggu bot penyelamat datang mengambil mereka. Semua penduduk yang terlibat dengan banjir telah dihantar ke pusat pemindahan mangsa banjir yang terletak di tempat tinggi. Mereka perlu tinggal di situ sehingga banjir surut. Pada masa yang sama, wakil rakyat dan badan bukan kerajaan (NGO) memberikan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir bagi meringankan beban mereka. Setelah banjir surut, para penduduk dibenarkan pulang ke rumah masing-masing.

### Bahagian C

#### Soalan 1 (surat kiriman rasmi)

##### Pendahuluan:

tajuk laporan – tarikh dan hari – mengadakan gotong-royong membersihkan kawasan sekolah – dianjurkan oleh Kelab Pencinta Alam dan pihak sekolah – semua murid dan guru terlibat

##### Isi-isi penting:

- 8.00 pagi berkumpul – guru besar memberikan ucapan – kemudian guru yang bertugas memberikan taklimat – semua murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan – mengikut tugas yang ditetapkan

- Kelab Pencinta Alam ditugaskan menceriakan Taman Sains – dibantu oleh beberapa orang guru – kumpulan-kumpulan lain membersihkan kantin, tandas – menceriakan kelas, perpustakaan – melukis mural, mengecat dinding dan pagar
- semua murid dan guru bekerjasama – bagai aur dengan tebing – kerja-kerja dapat dilakukan dengan mudah dan cepat – berehat sebentar untuk minum pagi – menyambung semula tugas
- pukul 12.00 tengah hari – aktiviti gotong-royong selesai dengan jaya – semua peralatan dikumpulkan dan disimpan – murid-murid berehat bagi melepaskan lelah selepas penat bergotong-royong

##### Penutup:

guru besar mengucapkan terima kasih – sekolah menjadi lebih indah dan bersih – sebelum bersurai – menikmati hidangan tengah hari – berasa sungguh gembira – semoga diadakan lagi – tarikh – tandatangan – jawatan

### Soalan 2

#### Pendahuluan

cuti sekolah – pulang ke kampung datuk dan nenek – sedang musim buah-buahan terutama durian – datuk ada dusun durian – rasa sangat gembira

##### Isi-isi penting:

- selepas Subuh – mengikut datuk ke dusun durian bersama sepupu – hari masih gelap – menunggu di pondok yang datuk bina – rasa nyaman dan dingin
- mendengar bunyi durian luruh – segera mencari buah yang luruh – datuk meminta saya dan sepupu berhati-hati – takut ditimpa buah durian yang luruh
- rasa sangat teruja – buah durian yang luruh besar – baunya membuka selera – sudah tidak sabar untuk merasa keenakan buah durian
- hari semakin cerah – buah yang dikutip dikumpul di pondok – ibu, ayah dan nenek sampai – membawa bekal sarapan – datuk kupas buah durian – makan bersama-sama

##### Penutup:

bersama datuk menunggu peraih datang – sebahagiannya dibawa pulang ke rumah – ada yang diberi kepada jiran tetangga – rasa sangat gembira